

17 JAN 1996

Keating

AUSTRALIA YAKIN MASA DEPANNYA DALAM ASIA-PASIFIK

SINGAPURA, 17 Jan (Bernama) -- Australia yakin yang masa depannya adalah dalam Asia Pasifik, kata Perdana Menteri Paul Keating di sini hari ini.

Semasa berucap pada majlis Singapore Lecture ke-14, beliau berkata kerajaan dan rakyat Australia kini menyedari implikasi untuk berada di dalam dan bersama rantau ini.

"Hubungan lebih erat Australia dengan Asia sebahagiannya berpandukan kepada realiti ekonomi," katanya.

"Dua pertiga daripada perdagangan kami sememangnya kini dengan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik atau dengan rantau Apec dan lebih daripada separuh dengan Asia Timur."

Keating singgah sehari di Singapura selepas lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia. Singapore Lecture mula diperkenalkan pada 1980 oleh Institut Kajian Asia Tenggara.

Antara pemimpin terkemuka yang telah memberikan ceramah untuk Singapore Lecture ialah bekas Setiausaha Negara Amerika Henry Kissinger pada 1981, bekas Canselor Jerman Helmut Schmidt pada 1983, bekas Perdana Menteri Australia Bob Hawke pada 1987, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1988 dan bekas Presiden Amerika Syarikat George Bush pada 1992.

Keating berkata Australia menyokong kuat perkembangan dalam Forum Serantau Asean (ARF) kerana ia telah menukar pendapatnya mengenai pertahanan negara atas dasar Australia memerlukan jaminan keselamatan dalam Asia berbanding daripada Asia.

"Disebabkan itu kami telah berusaha bersungguh-sungguh mengadakan hubungan pertahanan yang kukuh dengan jiran-jiran kami seperti Singapura dan Malaysia serta perkongsian baru dengan negara seperti Filipina dan Vietnam," katanya.

Beliau berkata hampir 40 peratus pendatang asing ke Australia dari Asia juga memainkan peranan mereka dalam menukar cara pemikiran rakyat Australia terhadap dunia dan negara mereka.

"Sejarah dan geografi kami tidak harus mengubah keyakinan asas dan komitmen kukuh bahawa Australia ialah dan seharusnya sentiasa menjadi sebahagian penting rantau di sekeliling kami," kata Keating.

Keating juga berkata bahawa rantau ini menghadapi cabaran dalam memenuhi keperluan pembangunan tenaga manusianya dan banyak kerajaan Apec sudahpun menangani masalah-masalah ini secara bersendirian.

Katanya Malaysia sebagai contoh sedang mengkaji semula keseluruhan struktur pendidikannya dan Hong Kong, Singapura serta Malaysia juga memberikan keutamaan tinggi terhadap latihan vokasional di sekolah-sekolah menengah.

Katanya sumber yang dilaburkan dalam pendidikan dan latihan perlu membesar di seluruh rantau ini dan ini akan menjadi lebih mudah jika digalakkan pertukaran pelaburan dalam pendidikan dan latihan di kalangan anggota Apec seperti yang dilakukan Malaysia. -- BERNAMA